



# siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI

PEN. 11/76/214 (PM)

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN,  
DIUPACARA PEMBUKAAN LIMBUNGAN KAPAL MALAYSIA  
SHIPYARD AND ENGINEERING SDN. BHD., DI PASIR  
GUDANG, JOHOR BAHRU, PADA 27HB NOVEMBER, 1976  
JAM 10.30 PAGI

Upacara pembukaan resmi Limbungan Kapal MSE pagi ini amatlah unik. Sebagaimana kita semua telah saksikan sebentar tadi Menteri Perusahaan Awam dan Menteri Besar Johor telah pun melakukan tugas resmi masing-masing dalam upacara ini. Saya merupakan tetamu ketiga dan terakhir yang terlibat dalam upacara pagi ini. Tugas saya ialah menyempurnakan pembukaan Limbungan Kapal MSE ini seluruhnya.

2. Saya mengucapkan terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah MSE terutamanya kepada Pengerusinya Raja Tan Sri Mohar atas penghormatan yang diberikan kepada saya meresmikan Limbungan Kapal MSE pagi ini.

3. Upacara pagi ini amatlah besar maknanya kepada saya khasnya kerana ianya menandakan satu langkah kemajuan lagi kearah pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mula beransur meningkat sejak negara mengalami kemerusutan dan kemelesetan ekonomi akibat dari keadaan burok ekonomi dunia.

4. Hanya dua minggu lalu sahaja saya telah menghadiri upacara pelancaran kapal hidrografi Tentera Laut Di Raja Malaysia di sebuah Limbungan Kapal di Prai. Limbungan Kapal MSE ini merupakan Limbungan yang keempat yang besar dan aktif di negara ini.

5. Sesungguhnya pembukaan Limbungan Kapal MSE ini, lebih-lebih lagi dengan penyertaan Kerajaan dalam kegiatan usaha-sama ini, merupakan zaman baru dalam sejarah negara di bidang pembinaan dan membaiki kapal.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Tiga tahun yang lalu saya berdiri di tempat yang sama melakukan upacara permulaan kerja projek usaha-sama ini. Pada masa itu tempat ini di kelilingi oleh kawasan lembah-rimba. Tetapi sekarang kita lihat perubahan kemajuan yang begitu besar di kawasan ini, bukan sahaja dengan kerja-kerja pesat yang diselenggarakan oleh Limbungan Kapal MSE bahkan dan yang lebih besar lagi ialah kegiatan-kegiatan yang terdapat di kawasan yang berhampiran dengan tempat ini iaitu pelabuhan baru di Pasir Gudang ini serta kawasan-kawasan perindustrian yang berhampiran.

7. Usaha-sama projek ini melibatkan penyertaan secara langsung Kerajaan dalam bidang kegiatan teknikal dan kemahiran yang begitu tinggi berhubung dengan membaiki kapal dan di masa yang tidak lama pula dalam lapangan pembinaan kapal. Dalam prospek ini kita bolehlah menjangkakan beberapa buah perindustrian lain yang kegiatan-kegiatannya ada kaitannya dengan perusahaan pembinaan kapal itu, kelak akan wujud dan akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara serta menggalakkan perkembangan dan kemajuan Pasir Gudang dan kawasan-kawasan sekelilingnya.

(lihat muka (i) dan (ii))

8. Saya penuh yakin Limbungan Kapal MSE ini bukan sahaja akan mendatangkan faedah kepada Negeri Johor bahkan negara seluruhnya. Saya harap semua pihak yang terlibat dalam perusahaan ini sama ada Ahli Lembaga Pengarah, kakitangan pengurusan mahupun pekerja-pekerja, akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dengan penuh keikhlasan dan dedikasi bagi memenuhi harapan yang tinggi dalam lapangan baru ini.

9. Dalam hubungan ini saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan rakyat dan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Negeri Jepun atas kerjasamanya meminjamkan ramai pekerja-pekerja mahirnya kepada Limbungan Kapal MSE menerusi Sumitomo Heavy Industries Ltd. Saya harap pekerja-pekerja tempatan akan menunjukkan minat serta hasrat yang kuat mempelajari segala pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pembinaan dan membaiki kapal dari rakan-rakan sekerja mereka dari Jepun itu.

10. Saya juga berharap segala usaha hendaklah dijalankan bagi memastikan supaya kumpulan pekerja-pekerja mahir yang akan mengambil alih peranan dan tugas pekerja-pekerja dari Jepun itu benar-benar mencerminkan kedudukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Langkah ini perlu mendapat perhatian pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan semasa perusahaan ini masih dalam peringkat awal lagi supaya masaalah tidak seimbangan kaum pekerja terutama dalam peringkat pengurusan dan kemahiran, tidak akan timbul kemudian hari kelak. Oleh kerana Kerajaan sendiri menyertai perusahaan ini, sudah sewajarnya Limbungan Kapal MSE menunjukkan contoh yang baik dalam membantu usaha Kerajaan kearah pencapaian matalamat pengimbangan kaum pekerja ini.

11. Saya sukacita mengetahui bahawa Limbungan Kapal MSE telah menjalankan rancangan melatih tempatan di Limbungan ini serta juga di luar negeri. Memanglah menjadi harapan saya semoga Limbungan Kapal MSE ini, menerusi pelaksanaan rancangan latihan sambil bekerja dan rancangan-rancangan latihan yang tertentu yang lain, dapat mempelupuri hasrat Kerajaan mewujudkan satu kumpulan pekerja yang mahir dan terlatih di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Bagi mencapai matalamat ini dengan jayanya semua pihak khususnya syarikat-syarikat besar yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang cukup hendaklah menjalankan pangsangan latihan sambil bekerja mereka masing-masing untuk pekerja-pekerja tempatan. Syarikat-syarikat yang mempunyai pertubuhan induknya di luar negeri patutlah menghantarkan pekerja-pekerja tempatan yang

mahir itu mendapat latihan selanjutnya serta pengalaman yang lebih mendalam di seberang laut supaya mereka boleh menjadi semakin mahir lagi atau pakar dalam bidang-bidang tertentu.

13. Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengingatkan belia-belia kita khasnya kaum Bumiputra supaya jangan terlalu memilih untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka yang telah memperolehi pekerjaan hendaklah bersungguh-sungguh tekun menjalankan tugas pekerjaan yang telah diamanahkan kepada mereka itu, tanpa mengira keadaan perkhidmatan dan kesusahan. Lebih-lebih lagi bekerja seperti di Limbungan Kapal MSE ini yang kerap kali terpaksa menyiapkan sesuatu pekerjaan itu dalam masa yang terdesak. Saya percaya dengan kerjasama dan ketabahan pekerja-pekerja yang sentiasa menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, segala keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan ini akan dapat dinikmati juga oleh semua anggota dan kakitangan Limbungan Kapal MSE kelak.

14. Saya harap hakikat ini hendak benar-benar difahami oleh Lembaga Pengarah serta Pengurusan Limbungan ini demi kepentingan mengekalkan persefahaman dan hubungan baik antara kedua pihak - majikan dan pekerja-pekerja. Semangat ini amatlah penting dipelihara setiap masa bagi membolehkan Limbungan Kapal MSE ini membuktikan kepada pelanggan-pelanggannya bahawa perusahaannya mempunyai keupayaan dan kebolehan bagi mengendali cabaran kerja yang lebih besar di masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Saya merasa bangga kerana dalam beberapa tahun kebelakangan ini Malaysia telah dapat mengendalikan export kebanyakan barang-barang pengeluaran utamanya seperti getah, minyak kelapa sawit/<sup>kayu-kayan</sup> dan logam terus dari pelabohan kita sendiri. Dengan bertambahnya pengeluaran bahan-bahan utama export ini di masa akan datang dan dengan bertambahnya 'direct-trade' kita dengan negara-negara luar, adalah perlu bagi Malaysia mempunyai

kemudahan dan kelengkapan pelabuhan yang sempurna bagi membolehkan pengendalian barang-barang export ini dijalankan dengan cekap dan cepat.

16. Sementara pembinaan dua pelabuhan besar sedang pesat dilaksanakan di Pasir Gudang ini dan di Tanjong Gelang dekat Kuantan, usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi meluaskan serta menambah kemudahan di pelabuhan-pelabuhan Port Klang dan Pulau Pinang, bagi menampung perkembangan perdagangan antarabangsa Malaysia yang kian meningkat itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Pelabuhan merupakan satu infrastruktur yang penting bagi pengeluaran perdagangan tempatan dan antarabangsa sesebuah negara. Aktiviti di pelabuhan mencerminkan bukan sahaja kedudukan ekonomi sesebuah negara tetapi juga kedudukan ekonomi dunia. Kedudukan ekonomi dunia yang <sup>nampaknya</sup> bertambah baik sekarang boleh dikaji daripada perangkaan pelabuhan dan Malaysia juga sekarang mengalami kedudukan ekonomi yang bertambah baik. Dalam tahun 1975 kargo yang diuruskan melalui pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia berjumlah 15.4 juta tan, tambahan sebanyak 6.3% dari tahun 1974. Walau bagaimanapun dari jumlah kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan tersebut, angka bagi tiga bulan pertama tahun ini telah menunjukkan tambahan sebanyak 16% jumlah kargo, dibandingkan dengan jumlah kargo diuruskan bagi jangkamasa yang sama tahun lalu. Perkembangan ini adalah menggembirakan terutama sekali kita baru sahaja melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga.

18. Saya sedar bahawa kemudahan "bunkering" ialah salah satu perkhidmatan penting yang diperlukan oleh kapal-kapal yang singgah di pelabuhan-pelabuhan utama. Pada masa ini, dua pelabuhan di Malaysia, iaitu, Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pulau Pinang, hanya mempunyai kemudahan "bunkering" yang terhad. Saya sukacita mendapat tahu kemudahan "bunkering" yang telah dibincangkan dan sebahagiannya telahpun siap dan projek ini pada keseluruhannya dijangka siap dalam sedikit masa lagi. Saya suka menegaskan kepada semua pemilik-pemilik

kapal dan syarikat-syarikat perkapalan bahawa Malaysia sedang mengambil langkah-langkah yang serius untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan "bunkering" yang lengkap dan moden di semua pelabuhan-pelabuhan utama negara.

19. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa dengan adanya kemudahan dan perkhidmatan "bunkering" di pelabuhan-pelabuhan utama negara ini, maka ianya akan menambahkan lagi galakan kepada kapal-kapal perdagangan asing untuk singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan dengan itu mengukuhkan lagi perhubungan perdagangan utama Malaysia dengan negara-negara luar.

Ladies and Gentlemen,

I am proud that Malaysia has, in recent years, been able to handle the bulk of her primary export commodities such as rubber, oil palm and minerals through her own ports. With the future increase through her own ports. With the future increase in production of these primary commodities and with the expansion of our direct-trading activities with foreign countries, it is imperative for Malaysia to have adequate port facilities so that the export of our commodities could be handled more effectively.

While construction work on our two new major ports here at Pasir Gudang and at Tanjong Gelang near Kuantan are being actively carried out, the facilities of the existing ports at Port Klang and Penang are being continually expended and improved to cope with Malaysia's increasing international trade.

Ladies and Gentlemen,

I am aware that ports are an essential infrastructure as the major outlets of a nation's domestic and international trade. Their activity reflects not only the economic well-being of a nation, but also

the economic trend of the world. The present upturn of the world economy is well gauged by port statistics and Malaysia has a fair share of this upturn. In 1975 the total tonnage of cargo handled through the ports of Peninsular Malaysia amounted to 15.4 million long tons, an increase of 6.3% over 1974. However, from the figures for the first 3 months of this year the amount of cargo handled by these ports, shows an increase of 16% compared with that for the same period last year. This augurs well for Malaysia which has just launched its Third 5 - Year Plan.

I do realise that bunkering facilities are one of the important services required by ships calling at major ports. At the moment the two major ports in Malaysia, Port Klang and Penang, have only limited bunkering facilities will be made available at this Port. I understand that work on this service is progressing well and is expected to be completed in the near future.

I would like to assure all shipowners and ship operators that we are seriously taking steps to provide adequate and modern bunkering facilities and services at all our major ports.

I am confident that this provision of bunkering facilities and services will provide added incentive for foreign ships to call at Malaysian ports, and thereby strengthen our trading relationships with foreign countries.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

20. Sejalan dengan perkembangan ini usaha-usaha sedang pesat dijalankan bagi meluas dan memperbaiki sistem jalan raya utama ke Pelabuhan-Pelabuhan ini supaya mendekatkan lagi perjalanan serta mempercepatkan pengangkutan barang-barang perdagangan ini.

21. Pembinaan lebohraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya bagi melicinkan perjalanan ke Pelabuhan Kelang hampir siap. Kerja-kerja membaiki lebohraya Kuala Lumpur/Karak termasuk kerja-kerja menukar haluan dan mengalih beberapa bahagian tertentu akan siap dalam tahun 1978. Pembinaan Lebohraya Timor-Barat yang telah tergendala sedikit dalam tahun 1974 oleh masalah keselamatan akan dilipatgandakan kerjanya. Begitulah juga dengan pembinaan Lebohraya Kuantan/Segamat serta projek lebohraya Express Kuala Lumpur/Seremban yang baru. Kesemuanya ini ialah bagi menampung kegiatan-kegiatan perdagangan yang semakin bertambah akibat bertambahnya pengeluaran bahan-bahan utama terutama getah dan kelapa sawit dari ladang-ladang yang telah diusahakan oleh Felda, Felcra dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Saya telahpun bercakap dengan panjang lebar dan bagi mengakhiri ucapan saya ini saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua pihak yang telah menjayakan upacara pagi ini.

23. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya meresmikan Limbungan Kapal Malaysian Shipyard and Engineering Sdn. Berhad serta mendoakan semoga Allah melindungi semua pekerja yang berkhidmat di dalamnya.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,  
27hb. November, 1976 (dikeluarkan pada pukul 3.00 petang)

MAV/abs

(i)

Ladies and Gentlemen,

This Morning's ceremony is of special significance to me. It is the culmination of my desire to see the completion of the Shipyard. When the decision to construct the Shipyard was made I was the Member of Parliament of the area until 1974. When the work was about to start, I had the honour of breaking the ground. How different this place and surrounding area of the port of Pasir Gudang look now. I visited this area extensively during the general election of 1969. It was then covered by old rubber trees, coconut palms, shrubs and swamps. Scattered about it were Malay kampongs which were there before I was born. I remember that before the last war, one could only visit these kampongs by boats. There were no roads.

The march of progress and development is relentless. One could hardly recognise the buildings any more; the original settlers who had died have left their bones scattered about the area. The wooden houses of Malay kampongs, the coconut and rubber trees and the small fishing boats have now given way to concrete and massive buildings, to electric poles, to huge ships. The silence and peace of kampong life have now been taken over by the endless noise of hammers and machines and the rush and hurly-burly of activities of modern development and progress.

Such is the price that we have to pay. Such being the case, we must therefore ensure that all must benefit from this progress. This must indeed be a grand occasion judging not only from the presence of the large number of important officials but also the number of Ministers and Deputy Ministers. Also present with us this morning are a number of distinguished guests from Japan representing their companies and institutions which in one way or another are involved in the establishment,

.. (ii)/-

- (ii) -

construction, management and activities - present and future - of the Shipyard. To them we extend our very warm welcome.

As has been mentioned, this Shipyard is the first of its kind and the biggest so far in our country. It does not only build ships but repair them as well. In addition, it can undertake to do all kinds of engineering work. We can indeed be justifiably proud of it.

However, at the same time, let us not forget those persons who originally inspired, encouraged and toiled hard towards its realisation. Foremost among them was our late Prime Minister, Tun Abdul Razak. Without his foresight, faith and encouragement and support, this Shipyard would only have been a dream. Next comes Encik Robert Kuok, who in his usually quiet, efficient, tireless and hard driving ways translated the idea into one of action. Then comes Tan Sri Frank Tsao. He was the man who placed at our disposal his many and varied experience and expertise. He set in motion the necessary contact with the right people in Japan and got them interested in the idea and venture. Ladies and Gentlemen, to these three persons in particular belong the honour of translating the original idea into its present physical form, which we this morning gather to open officially.

Just now I mentioned that there are among us present this morning our friends from Japan. They represent some of the biggest industrial, financial and shipping interests in Japan. We thank them for their confidence and support in this venture. We look forward to a happy and mutually beneficial partnership with them now and in the future. To the Government of Japan, we should also like to express our thanks for so kindly extending to us the Yen Credit Loans. Some of these loans have been utilised to finance the construction of the Shipyard. To the Government of the State of Johore, and in particular to the Menteri Besar, we would also like to record our deep appreciation for the unstinted support and co-operation which it has always given to this project. We have every confidence that the Johore State Government will continue to do so in the future.

PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI  
PENGARAH ARKIB  
MALAYSIA  
- JAN 1977

PERKHIDM  
AHO/4  
MENTERI  
MALAYSIA

No. Siri ..... 229  
No Penerimaan ..... 36/78